

# AXCEL PARACETAMOL-250 SUSPENSION

Paracetamol (250mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Paracetamol-250 Suspension.
2. Bagaimana Axcel Paracetamol-250 Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Paracetamol-250 Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Paracetamol-250 Suspension

Axcel Paracetamol-250 Suspension digunakan untuk melegakan:

- Demam.
- Simptom selsema dan influenza.
- Sakit gigi.
- Sakit kepala.

## Bagaimana Axcel Paracetamol-250 Suspension berfungsi

Paracetamol mempunyai sifat analgesik (ubat untuk melegakan kesakitan) dan antipiretik (agen yang mengurangkan demam). Paracetamol melegakan kesakitan sederhana, sebagai contoh, sakit kepala dan masalah otot, sendi dan sebarang saraf di luar sistem saraf pusat. Ia juga boleh digunakan untuk mengurangkan demam.

## Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Paracetamol-250 Suspension jika:

- Anda menghadapi kerosakan buah pinggang.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.
- Anda mengandungi, merancang untuk mengandungi atau mungkin mengandungi.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat daripada

doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda) terutamanya mengandungi Paracetamol.
- Anda menghadapi kerosakan fungsi buah pinggang atau hati.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin boleh berinteraksi dengan Axcel Paracetamol-250 Suspension anda:

- Oral antikoagulan (ubat yang digunakan untuk mencegah pembentukan bekuan darah).
- Ubat-ubatan mengandungi Paracetamol.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Paracetamol-250 Suspension dan doktor anda akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja. Goncang dengan betul sebelum mengguna.

*Kanak-kanak:*

1-6 tahun: 2.5-5ml.

7-12 tahun: 5-10ml.

Kanak-kanak 3 bulan hingga 1 tahun dinasihatkan mengambil Axcel Paracetamol-120 Syrup.

### -Bila perlu digunakan

Guna 3 atau 4 kali sehari.

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Paracetamol-250 Suspension mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Paracetamol-250 Suspension.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Paracetamol-250 Suspension dengan orang lain, walaupun

# AXCEL PARACETAMOL-250 SUSPENSION

Paracetamol (250mg/5ml)

mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan ubat yang berpanjangan harus dielakkan.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Paracetamol-250 Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Ruam pada kulit.
- Kadang-kadang berlaku reaksi alergi yang lain.
- Reaksi tindakbalas hipersensitiviti termasuk ruam kulit, pembengkakan pada lapisan kulit, Steven Johnson Syndrome/ Toksik Epidermal Necrolysis.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan tindakbalas kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindakbalas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Paracetamol-250 Suspension**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Paracetamol-250 Suspension dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Paracetamol-250 Suspension yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Orange):  
Larutan berwarna oren dengan perisa oren.

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Strawberry):  
Larutan berwarna putih merah jambu dengan perisa strawberi.

### -Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan Aktif:

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Orange):  
Paracetamol.

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Strawberry):  
Paracetamol.

#### - Bahan Tidak Aktif:

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Orange):  
Refined Sugar, Xanthan Gum, Propylene Glycol, Methyl paraben, Saccharin Sodium, Purified Water, Orange Flavour dan Sunset Yellow.

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Strawberry):  
Refined Sugar, Xanthan Gum, Propylene Glycol, Methyl paraben, Saccharin Sodium, Purified Water, Cherry Red, Strawberry Flavour, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous dan Sodium Citrate.

### -Nombor MAL

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Orange):  
MAL19911435XZ

Axcel Paracetamol-250 Suspension (Strawberry):  
MAL19991446XZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

23/04/2018

## **Nombor siri**

NPRA(R4/1)180418/00111